

2016

Projek Lessons Learned Bagi Projek Naik Taraf Jalan Tok Bok Ke Selising, Pasir Puteh, Kelantan Darul Naim (Fasa II).



RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan ini bertujuan menerangkan penilaian yang baik yang boleh dicontohi serta perkara-perkara yang kurang baik yang boleh diambil iktibar seterusnya diperbaiki untuk projek-projek yang di laksanakan oleh JKR melalui sesi bengkel yang telah dilaksanakan pada 18 hingga 19 Julai 2016 bagi projek Naiktaraf Jalan Tok Bok ke Selising, Pasir Puteh, Kelantan (Fasa II) yang telah dihadiri oleh wakil HOPT, HODT dan juga wakil SO. Selain itu juga, laporan ini juga mencadangkan beberapa penambahbaikan yang perlu diambil kira bagi projek-projek seumpamanya di masa hadapan.

1.0 PENGENALAN

Skop asal projek Naiktaraf Jalan Tok Bok ke Selising adalah menghubungkan Kg. Tok Bok (Daerah Machang) ke Selising (Daerah Pasir Puteh) sepanjang 15.5km di mana pelaksanaan keseluruhan projek ini telah dibahagikan kepada dua Fasa iaitu Fasa 1 sepanjang 5.7 km dan Fasa 2 sepanjang 9.7 km.

Pembinaan projek bagi Fasa 1 telah pun disiapkan pada tahun 2010 manakala pembinaan Fasa 2 ini yang melibatkan kerja naiktaraf jalan sepanjang 9.7km bermula dari penghujung jajaran jalan di Fasa 1 dan berakhir di jalan negeri D136 di Bukit Jawa.

Piawaian rekabentuk pembinaan jalan ini adalah R3, dua lorong dua hala. Terdapat juga pembinaan 2 buah jambatan iaitu merentasi Sg. Durian dan Sg. Baroh Tok Derasat.

1.1 OBJEKTIF PROJEK

- a. Menyediakan jalan pintasan kepada penduduk di sekitar Tok Bok untuk ke Bandar Pasir Puteh
- b. Menyediakan laluan alternatif kepada penduduk setempat terutamanya ketika musim perayaan

1.2 RINGKASAN MAKLUMAT PROJEK.

Tajuk Kontrak	Projek Naik Taraf Jalan Tok Bok Ke Selising, Pasir Puteh, Kelantan Darul Naim (Fasa II)
Jumlah Kos Kontrak Asal	RM 54,361,999.62
Tempoh Kontrak Asal	30 Bulan
Tarik Mula	15hb September 2010
Tarikh Tamat Asal	12hb Mac 2013
No Kontrak	JKR/IP/CKUB/99/2010
Pelanggan	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW)
Pegawai Penguasa (S.O)	Pengarah JKR Negeri Kelantan
Wakil Pegawai Penguasa	Pasukan Projek Di Tapak: 1. Ketua Penolong Pengarah Jalan, J48 2. Penolong Jurutera, J36 3. Penolnog Jurutera, J29
Kontraktor Utama	KOB Engineering Sdn Bhd



Gambar seksyen jalan yang telah disiapkan



Gambar seksyen jalan yang belum disiapkan kerana kegagalan pembentung yang mengalami keretakan (pembentung C1, C2 dan C3) dan perubahan rekabentuk (pembentung C4, C5 dan C6)

1.3 PASUKAN KERJA YANG TERLIBAT BAGI PROJEK INI ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

- a. **HOPT** : Bahagian Pengurusan Projek Luar Bandar, Cawangan Jalan
- b. **HODT** : HODT Jalan
 - Bahagian Kejuruteraan Jalan (CKJG)
 - HODT Ukur Bahan
 - Bahagian Kerja Jalan & Jambatan (CKUB)
- c. **S.O/ Wakil S.O** : Pengarah, JKR Negeri Kelantan

1.4 CARTA ORGANISASI PASUKAN SELIATAPAK



2.0 SESI PENGUMPULAN PEMBELAJARAN PROJEK

2.1 Bengkel

- a. **Tajuk** : Bengkel Project Lessons Learned bagi **Projek Naik Taraf Tok Bok Ke Selising, Pasir Puteh, Kelantan Darul Naim (Fasa II)**
- b. **Tarikh** : 18 –19 Julai 2016 (Isnin – Selasa)
- c. **Tempat** : Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan
- d. **Peserta Bengkel** : Peserta Bengkel terdiri daripada wakil-wakil dari Bahagian-bahagian berikut;
 - 1. Cawangna Pengurusan Aset Bersepadu, JKR Negeri Kelantan
 - 2. Bahagian Jalan, JKR Negeri Kelantan
- e. **Pemudahcara/ Fasilitator** : Pemudahcara/Fasilitator adalah wakil dari ECKM, HQ, KL seperti berikut:-
 - i. Sr Roznita Othman
 - ii. Ir Fithry Mohd Amir
 - iii. En Khairil Hizar Md Khuzaimah
 - iv. Pn Nurul Huda Aminudin
 - v. Pn Nor Parzila Abdul Ghaffar



Gambar semasa sesi taklimat



Gambar semasa perbincangan berkumpulan



Gambar semasa perbincangan berkumpulan



Gambar semasa sesi pembentangan


3.0 METADOLOGI/KAEDAH

3.1 Pembelajaran dari isu kritikal


Perbincangan secara berkumpulan telah diadakan bagi mengenalpasti isu-isu dan permasalahan yang berlaku di sepanjang tempoh pelaksanaan projek, analisis punca dan akibat serta pembelajaran yang diperolehi merujuk kepada isu-isu yang berkaitan.

- (i) Isu pelaksanaan - *What went well*
- (ii) Isu pelaksanaan - *What should have done better*
- (iii) *Lesson learnt*


Output daripada perbincangan berkumpulan dinyatakan melalui lakaran peta minda dan seterusnya dibentang dan dibincangkan bersama keseluruhan ahli bengkel dengan lebih terperinci.



Rajah 3.1: Isu Pelaksanaan – *What Went Well*



Rajah 3.2: Isu Pelaksanaan – What Could Have Done Better



Rajah 3.3: Lesson Learnt

4.0 LESSONS LEARNED BERDASARKAN ISU KRITIKAL PELAKSANAAN PROJEK

Berdasarkan kepada metodologi pembelajaran secara berkumpulan sebagaimana penerangan pada perenggan 3.0, beberapa isu pelaksanaan telah dikenalpasti dan dikategorikan mengikut peranan ahli pasukan projek ini iaitu pasukan HOPT, HODT, Pejabat Pegawai Penguasa (JKR Kelantan) dan juga melibatkan pihak kontraktor. Berikut merupakan ringkasan terhadap isu pelaksanaan tersebut;

4.1. Isu Pelaksanaan - *What went well*

4.2.1 Pasukan HOPT

- i. Lukisan kontrak telah disediakan dan lengkap
- ii. Peruntukan projek yang mencukupi
- iii. Dokumen Kontrak yang lengkap

4.2.2 Pejabat Pegawai Penguasa

- i. Pasukan projek telah disediakan
- ii. Mesyuarat teknikal telah dilaksanakan mengikut keperluan sebagaimana C-plan
- iii. Bayaran interim telah disediakan mengikut sebagaimana kemajuan di tapak

4.2.3 Kontraktor

- i. Pekerja dan jentera yang mencukupi telah disediakan bagi pelaksanaan projek
- ii. Pasukan pengurusan projek yang lengkap
- iii. Pelaksanaan kerja di tapak mengikut perancangan
- iv. Kualiti kerja pembinaan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan

4.2. Isu Pelaksanaan - *What should have done better*

4.2.1 Pasukan HOPT

- i. Masalah Pengambilan balik tanah belum selesai semasa peringkat pembinaan projek
- ii. Masalah pengalihan utiliti belum selesai seperti TM, TNB dan lain-lain
- iii. Perubahan rekabentuk semasa pembinaan
- iv. Siasatan tapak (tanah) yang tidak menyeluruh
- v. Lewat mendapat kelulusan pindaan rekabentuk (pindaan rekabentuk culvert)
- vi. Rekabentuk asal (culvert) tidak sesuai dengan keadaan tapak

4.2.2 Pejabat Pegawai Penguasa

- i. Permohonan lantikan perunding rekabentuk bagi tujuan pemantauan pelaksanaan kerja pembinaan di tapak tidak diluluskan kerana masalah peruntukan
- ii. Isu pertukaran pegawai penyeliaan tapak bina
- iii. Pasukan projek perlu dilengkapi oleh semua disiplin yang berkaitan

4.2.3 Kontraktor

- i. Kelewatan isu kelulusan pindaan rekabentuk menyebabkan kontraktor terpaksa mengeluarkan mesin jentera/peralatan daripada tapak bina

5.0 PENGIKTIBARAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- i. Projek yang direkabentuk oleh perunding seharusnya dikawalselia oleh perunding terlibat bagi mengelakkan konflik tanggungjawab

Sebarang permasalahan berkaitan kesesuaian rekabentuk di tapak bina akan lebih mudah diselesaikan oleh perunding asal, berbanding pasukan penyeliaan yang tidak terlibat secara langsung semasa peringkat rekabentuk. Sekiranya berlaku sebarang permasalahan atau kecacatan di tapak, pihak konsultan dapat membuat penilaian samada perkara tersebut disebabkan oleh rekabentuk asal yang tidak mencukupi ataupun kualiti kerja pembinaan yang tidak memuaskan.

- ii. Pasukan projek seharusnya dianggotai oleh pegawai yang kompeten dan berkelayakan dalam disiplin yang berkaitan

Ahli pasukan projek terutamanya pegawai penyelia tapak bina yang kompeten dan berpengalaman luas dalam bidang yang bidang tertentu adalah amat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan kerja di tapak bina mematuhi kualiti sebagaimana yang telah ditetapkan spesifikasi pihak jabatan.

- iii. Pegawai/penyelia tapak bina bagi sesebuah projek adalah dicadangkan supaya dikekalkan sehingga projek selesai Perakuan Muktamad

Polisis pihak jabatan menetapkan bahawa penempatan seseorang pegawai tidak kekal di jawatan/penempatan yang sama untuk tempoh masa tertentu, dan pasukan projek adalah tidak terkecuali. Walaubagaimanapun, pertukaran pegawai/penyelia yang terlibat dengan pasukan projek terutamanya setelah Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan akan menyebabkan kesukaran kepada pihak jabatan dalam menguruskan penyediaan dokumen selanjutnya. Pasukan projek seharusnya dikekalkan sehingga urusan penyediaan Perakuan Muktamad.

- iv. Isu yang melibatkan pihak ketiga seperti pengambilan balik tanah, pengalihan utiliti dan lain-lain seharusnya diselesaikan sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada kontraktor

Pada kebiasaannya projek pembinaan jalan akan melibatkan proses pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti terutamanya projek naiktaraf jalan sedia ada. Kelewatan urusan proses pengambilan balik tanah menyebabkan kontraktor tidak dapat memasuki tapak bina dan seterusnya memberi kesan kepada kemajuan projek secara keseluruhannya. Oleh yang demikian adalah disyorkan supaya SST dikeluarkan kepada kontraktor setelah proses pengambilan balik tanah selesai.

- v. Audit-audit dalamana/ audit integriti JKR Malaysia seharusnya membantu menyelesaikan masalah/isu-isu pelaksanaan projek, bukan mencari kesalahan di kalangan ahli pasukan projek.